

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. PROF. IR. TS. DR. MOHAMAD HAFIZ
MAMAT
TIMBALAN REKTOR
PENYELIDIKAN DAN INOVASI**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
PROGRAM CAR FREE DAY UCS**

**19 DISEMBER 2025 | JUMAAT | 9.00 PAGI
PERKARANGAN BANGUNAN FF1
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Ts. Zainolasri Abdul Sani

Pengarah Pejabat Pengurusan Fasiliti

UiTM Cawangan Selangor

Selaku Penasihat Program

YBrs. Puan Nurul Dahlya Haji Alias

Timbalan Jurutera

Pejabat Pengurusan Fasiliti

Merangkap Pengarah Program

Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Selangor

Barisan Jawatankuasa Pelaksana

Warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam UiTM di Hatiku.

1. Terlebih dahulu, mewakili **YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman**, yang **Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.

2. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini bagi menjayakan **Program Car Free Day bagi UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.**
3. Setinggi-tinggi penghargaan turut saya rakamkan kepada Pejabat Pengurusan Fasiliti atas inisiatif menganjurkan program yang penuh bermakna ini, dengan kerjasama pelbagai agensi rakan strategik.
4. Saya dimaklumkan, Program Car Free Day ini bukan sekadar aktiviti riadah, tetapi satu inisiatif untuk memupuk gaya hidup sihat, menggalakkan penggunaan pengangkutan mesra alam serta mengurangkan pencemaran udara demi kesejahteraan bersama.
5. Pagi ini, kita bukan sahaja belajar tentang erti memulakan hari tanpa kenderaan, tetapi kita juga

keluar untuk bernafas lebih lega, bergerak lebih aktif dan mengeratkan ukhwah dengan udara yang lebih segar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Setiap kali kita menggunakan kenderaan bermotor, kita sebenarnya sedang meninggalkan *carbon footprint* iaitu jejak karbon yang tidak kelihatan tetapi kesannya nyata kepada alam sekitar.
7. *Carbon footprint* yang kita tinggalkan hari ini akan diwarisi oleh anak-anak kita dalam bentuk alam sekitar yang rosak, sumber semula jadi yang semakin berkurang serta kampus yang kurang selesa untuk didiami.
8. Jika *carbon footprint* tidak dikawal, bandar kita akan terus bergerak ke hadapan dengan kos yang

semakin mahal iaitu kos kepada kesihatan, alam sekitar dan masa depan anak-anak kita.

9. Setiap enjin yang dihidupkan menambah sedikit demi sedikit kepada kesesakan udara dan pencemaran, walaupun kita tidak melihat atau mendengarnya secara langsung.

10. Justeru, pada hari ini, apabila kita mematikan enjin dan memilih untuk berjalan kaki atau berbasikal, suasana menjadi lebih tenang, udara terasa lebih ringan, dan kampus yang kita kasihi ini seolah-olah diberi ruang untuk berehat.

11. Inilah gambaran jelas bagaimana pengurangan *carbon footprint* memberi kesan serta-merta kepada persekitaran kita.

12. Saya percaya, Car Free Day ibarat memberi peluang kepada kampus ini untuk menarik nafas

panjang, sebelum kembali berfungsi dengan lebih sehat.

13. Untuk tempoh tiga jam Car Free Day ini dan laluan yang terlibat, dianggarkan setiap seribu kereta yang tidak dihidupkan membantu mengurangkan hampir **dua tan karbon dioksida** daripada dilepaskan ke atmosfera.
14. Jumlah pelepasan karbon yang berjaya diselamatkan hari ini adalah diumpamakan dengan penyerapan karbon dari lebih kurang 80 pokok matang setahun.
15. Dengan jumlah pengurangan *carbon footprint* ini, ia juga boleh diumpamakan dengan udara yang lebih bersih untuk satu kawasan bandar kecil seperti kampus kita, selama satu hari.

16. Saya yakin, Car Free Day hari ini bukan sekadar acara, tetapi satu peringatan bahawa kita masih mempunyai pilihan untuk memperlahankan kesan ini, bermula sekarang.

17. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pejabat Pengurusan Fasilitas selaku penganjur dan seluruh Ahli Jawatankuasa Pelaksana atas dedikasi, komitmen, dan semangat kebersamaan yang luar biasa.

18. Tidak dilupakan, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Syarikat Legasi Hijrah, KoSISWA dan Koperasi UiTM selaku penaja program.

19. Saya berharap agar program Car Free Day ini diteruskan pada tahun-tahun mendatang, dan tidak terhenti setakat ini sahaja.

Seawal pagi di kampus tercinta,
Warga berkumpul, ceria bersama;
Langkah kecil membawa makna,
UiTM Selangor kekal lestari hendaknya.

20. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Car Free Day** bagi **UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam**.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**